



# MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM PENDIDIKAN MORAL

## Tajuk: Menjaga Keseimbangan Alam Sekitar

**Nilai Teras:** Kasih sayang

**Masa:** 1 jam

**SK:** 2.1 Zaman Air Batu

**SP:** K2.1.10 Menjelaskan kepentingan usaha-usaha untuk memelihara dan memulihara alam sekitar.

### Objektif:

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid akan dapat:

1. Menyenaraikan tiga jenis pencemaran alam.
2. Menghuraikan tiga kesan pencemaran alam terhadap manusia, tumbuhan dan haiwan.
3. Mencadangkan tiga aktiviti yang boleh dilaksanakan semasa Bulan Alam Sekitar.

### Aktiviti Literasi Sivik : Set induksi

1. Guru menunjukkan rakaman berita daripada Buletin Utama (TV3) dan Astro Awani tentang pencemaran di Pasir Gudang.
  - <https://www.youtube.com/watch?v=vZLqUgGUiF0>
  - <https://www.youtube.com/watch?v=bsvnbfgMnNc>

### Aktiviti Literasi Sivik 1

1. Guru bersoal jawab dengan murid berkaitan dengan isu pencemaran alam.
2. Murid diminta membincangkan jenis pencemaran alam yang pernah berlaku di negara kita.

### Aktiviti Literasi Sivik 2

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan diberi satu gambar besar tentang pencemaran alam.
3. Berdasarkan gambar tersebut, ahli kumpulan akan mengadakan perbincangan tentang jenis, kesan dan cara mengatasi pencemaran.



*Pencemaran laut*



*Pencemaran sungai*



*Pencemaran udara*

### Aktiviti Literasi Sivik 3

1. Setiap kumpulan dikehendaki mencadangkan aktiviti yang boleh dijalankan semasa Bulan Alam Sekitar.
2. Ahli kumpulan akan membentangkannya dalam bentuk peta minda.

**Refleksi:** (Diisi oleh guru sebaik sahaja selesai pengajaran)